JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

# SYARAT-SYARAT LESEN IMPORT IKAN HIASAN DI BAWAH BAB 8 (1) PERINTAH PERIKANAN, 2009

# CONDITIONS OF ORNAMENTAL FISH IMPORT LICENCE UNDER SECTION 8 (1) FISHERIES ORDER, 2009

---

1. Pengimport hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.
   **The importer shall be registered with the Department of Fisheries, Ministry of Primary Resources and Tourism, Brunei Darussalam.**

2. Pengimport hendaklah mempunyai lesen import ikan hiasan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.
   **The importer shall have a valid ornamental fish import license issued by the Department of Fisheries, Ministry of Primary Resources and Tourism, Brunei Darussalam.**

3. Pengimport hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkenaan.
   **The importer shall comply with the relevant regulations of the Ministry of Health, Royal Customs and Excise Department, Brunei Darussalam Maritime, Port Authority and the Land Transport Department, Department of Immigration and National Registration and any other applicable written laws.**

4. Pengimport tidak dibenarkan untuk mengimport ikan-ikan hiasan seperti berikut :-
   **The importer is not allowed to import the following ornamental fish: -**

   a. Piranha spp. *(Family*: *Characidae*, *Genus*: *Serrasalmus*);
      **Piranha spp. (Family: Characidae, Genus: Serrasalmus);**

   b. Semua spesies Ikan Yu; dan
      **All species of Sharks; and**

   c. Sebarang spesies ikan yang ditentukan oleh Pengarah Perikanan.
      **Any species of fish as determined by the Director of Fisheries.**

5. Spesies ikan hiasan yang didatangkan hendaklah termasuk di dalam spesies ikan yang disenaraikan oleh pengimport dalam lesen import ikan yang telah dibenarkan.

**Ornamental fish species to be imported shall be included in the fish species listed by the importer in the approved ornamental fish import licence.**

6. Pengimportan ikan-ikan hiasan yang tersenarai sebagai spesies yang dilindungi di bawah *Convention of International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)* hendaklah mempunyai *CITES* export permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan negara pengeksport dan CITES import permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Negara Brunei Darussalam.
**Importation of ornamental fish listed as protected species under the *Convention of International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) shall be accompanied by a CITES export permit issued by the Management Authority of the exporting country and CITES import permit issued by the Management Authority of Brunei Darussalam.**

7. Pengimport hendaklah tidak melepaskan atau menyebabkan untuk dilepaskan mana-mana ikan hiasan yang diimport ke kawasan perairan Negara Brunei Darussalam termasuk mana-mana sungai, anak sungai, terusan, selat, alur air, kolam air, tasek atau takungan air yang lain.
**The importer shall not release or cause to be released any imported ornamental fish into Brunei Darussalam waters including any river, stream, canal, channel, watercourse, reservoir, lake or other body of water.**

8. Pengimport hendaklah mematuhi langkah-langkah kawalan penyakit ikan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.
**The importer shall comply with fish disease control measures set by the Department of Fisheries.**

9. Pengimport hendaklah memastikan konsainan disertakan dengan Sijil Kesihatan, *Certificate of Origin, Lesen Import Ikan, CITES export permit, CITES import permit (jika tersenarai di bawah CITES),* Invois, Senarai Pembungkusan dan Bil Penerbangan atau Bil Muatan.
**The importer shall ensure that the consignment is accompanied by a Health Certificate, Certificate of Origin, Fish Import License, CITES export permit, CITES import permit (if listed under CITES), Invoice, Packing List and Flight Billing or Bill of Lading.**

10. Sijil Kesihatan hendaklah menyatakan nama pengimport dan konsainan bebas dari penyakit ikan yang disenaraikan oleh *World Animal Health Organization* (OIE) di dalam laman sesawang www.oie.int.
**The Health Certificate shall state the name of the importer and that the consignment is free from fish diseases listed by the World Animal Health Organization (OIE) in its website at www.oie.int.**

11. Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan menjalankan pemeriksaan dan pensampelan ikan hiasan yang diimport bagi tujuan penganalisaan dan pemantauan penyakit.

**The importer shall allow the Department of Fisheries to carry out inspection and sampling of ornamental fish imported for the purpose of disease analysis and monitoring.**

12. Jika keputusan penganalisaan penyakit adalah positif, Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan untuk mengambil tindakan seperti berikut:
**If the result of the disease analysis is positive, the importer shall allow the Department of Fisheries to take the following action: -**

    a. Melarang pergerakan keluar keseluruhan stok ikan hiasan dari premis.
    **Prohibits the movement of all ornamental fish stocks out of the premises.**

    b. Menjalankan uji semula bagi tujuan pengesahan penganalisaan.
    **Conducts a re-test for the purpose of validation of the analysis.**

    c. Mengarahkan pengimport untuk melaksanakan proses pelupusan ikan hiasan yang dijangkiti penyakit, membasmi kuman tangki dan peralatan di bawah pengawasan Jabatan Perikanan.
    **Directs the importer to carry out the process of disposing the ornamental fish infected with disease, disinfect tanks and equipment under the supervision of the Department of Fisheries.**

    d. Kos mengenai apa-apa tindakan di atas adalah tanggungjawab pengimport dan mana-mana ikan hiasan yang dilupuskan tidak akan diberi sebarang ganti rugi atau pampasan oleh Jabatan Perikanan.
    **The cost of any of the above actions is the responsibility of the importer and any ornamental fish disposed of will not be given any compensation by the Department of Fisheries.**

13. Pengimport hendaklah mematuhi dan mengamalkan "*Pollution Control Guidelines for Industrial Development*".
**The importer must comply with and practice the "Pollution Control Guidelines for Industrial Development".**

14. Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan untuk mendapatkan sampel ikan hiasan yang diimport pada mana-mana jumlah yang munasabah secara percuma bagi tujuan penganalisaan makmal jika diperlukan.
**The importer shall allow the Department of Fisheries to obtain a sample of the ornamental fish imported at any reasonable number free of charge for laboratory analysis if necessary.**

15. Pengimport hendaklah memberikan maklumat-maklumat setiap pengimportan ikan hiasan ke Jabatan Perikanan bagi tujuan rekod simpanan dan rujukan jika dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
**The importer shall provide the details of each import of ornamental fish to the Department of Fisheries for the purpose of record keeping and reference if required by the Department of Fisheries.**

Nota :-

- Ikan Hiasan termasuk batu karang dan tumbuhan akuatik dan tidak termasuk ikan untuk dimakan oleh manusia
  **Ornamental Fish includes coral and aquatic plants and excludes fish intended for human consumption.**

- Bayaran lesen import ikan hiasan adalah B$20.00 bagi setiap konsainan.
  **The fee for ornamental fish import license is B$20.00 for each consignment.**

- Permohonan dan pembayaran lesen import ikan hiasan hendaklah melalui sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* (**bdnsw.gov.bn**).
  **Application and payment of ornamental fish import license shall be through the Brunei Darussalam National Single Window system (BDNSW) (bdsnw.gov.bn).**

- Semua dokumen yang dikemukakan oleh Pengimport hendaklah dalam atau diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.
  ***All documents submitted by the exporters shall be in or translated into Malay or English***.

- Setiap lesen import ikan hiasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan hanya sah bagi satu konsainan sahaja dan akan mansuh selepas satu bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.
  **Every ornamental fish import license issued by the Department of Fisheries is valid for one consignment and one trip only and shall expire one month from the date of issue.**

- Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa boleh menahan atau memeriksa mana-mana konsainan ikan hiasan yang diimport pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
  **Authorized Officers may detain or inspect any ornamental fish consignment imported at any time deemed necessary.**

- Pengarah Perikanan berhak menegah pengimportan mana-mana spesies ikan hiasan mengikut keperluan langkah-langkah biosekuriti.
  **The Director of Fisheries reserves the right to prohibit the import of any species of ornamental fish in accordance with the requirements of biosecurity measures/conditions.**

- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.
  **Other conditions are as enforced under the Fisheries Order, 2009 and the Fisheries Regulations.**

- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa dan berhak untuk membatalkan lesen import ikan hiasan yang telah dikeluarkan.

**The Director of Fisheries shall have the right to add or vary these conditions from time to time and shall have the right to revoke the ornamental fish import license.**

- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
  **Any changes to these conditions shall be notified from time to time.**

- Kegagalan mematuhi Syarat-Syarat Lesen Import Ikan Hiasan adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga $10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.
  **Failure to comply with the conditions of the ornamental fish import licence is a criminal offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Order, 2009 and upon conviction is liable to a fine not exceeding B$10,000 or imprisonment of one (1) year or to both.**

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

**Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.**
***I hereby agree with the terms and conditions as stated above.***

Nama : ______________________________
***Name***

Jawatan : ______________________________
***Designation***

Syarikat dan Alamat : ______________________________
***Company and Address***
______________________________

No. Kad Pengenalan : ______________________________
***Identity card No.***

No. Telefon : __________(pejabat)______________(hp) ________ (faks)
***Telephone No.*** ***(office)*** ***(mobile phone)*** ***(fax)***

Emel : ______________________________
***Email***

Tandatangan : ______________________________
***Signature***

Tarikh : ______________________________
***Date***

==========================================================================

## UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
## *FOR ADMINISTRATIVE USE*

**Pegawai Yang Diberikuasa :**
***Authorised Officer***

Nama : ______________________________
***Name***

Jawatan : ______________________________
***Desgination***

Tandatangan : ______________________________
***Signature***

Tarikh : ______________________________
***Date***